

**Elakkan Rakyat Jadi Mangsa Politik Air, Kata ADUN
Bernama
5 Disember, 2012**

SHAH ALAM, 5 Dis (Bernama) -- Hak rakyat Selangor mendapat bekalan air yang cukup harus dipertahankan bagi memastikan mereka tidak menjadi mangsa kepada permainan politik kerajaan negeri berhubung isu air, kata Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan Permatang, Sulaiman Abdul Razak.

Sehubungan itu, beliau berkata krisis air yang dijangka berlaku sekiranya kemelut politik air berterusan hendaklah diselesaikan melalui rundingan dan perbincangan kerana kerajaan Persekutuan mempunyai dasar yang jelas untuk memastikan bekalan air yang mencukupi bagi keperluan rakyat.

Dalam satu temuramah, beliau berkata dalam isu air, kerajaan Selangor perlu menerima realiti bahawa pihak swasta telah diberi konsesi industri air di negeri ini dan sepatutnya kerajaan negeri tidak perlu mencemburui realiti ini.

"Kita tahu keupayaan kerajaan Selangor. Kita tidak boleh pisahkan usahasama antara pihak swasta dan awam kerana bukan semua pembangunan boleh dibuat oleh kerajaan negeri. Selangor menjadi maju pun membangun bukan semua diusahakan oleh kerajaan, sebahagian besar daripada swasta dan pelaburan," katanya.

"Saya melihat sebagai rakyat, saya pun mengharapkan krisis air ini dapat diselesaikan sama ada dengan hubungan baik antara negeri dan persekutuan. Biarlah rakyat Selangor mendapat hak mereka sendiri untuk mendapat bekalan air yang cukup supaya rakyat tidak menjadi mangsa," kata beliau.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=714189>